

SOALAN NO. 20**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan mengkaji keadaan Perkhidmatan Awam negara ke arah dan memperbaiki tangga gaji pegawai-pegawai rendah dan pekerja-pekerja am memandangkan cabaran kenaikan kos sara hidup yang membebankan mereka.

31

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan penjawat awam dalam menangani kos sara hidup termasuklah Kumpulan Pelaksana. Untuk itu, Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan gaji dari semasa ke semasa. Sejak tahun 2002 sehingga 2016, sebanyak lapan (8) penambahbaikan gaji telah dilaksanakan.

Pada 1 November 2002, penjawat awam telah menerima kenaikan gaji antara RM15 hingga RM110 semasa pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia. Kenaikan seterusnya adalah pada 1 Julai 2007, iaitu Kerajaan telah meluluskan kenaikan gaji antara 7.5% hingga 35% yang mana Kumpulan Pelaksana telah menerima kenaikan gaji sebanyak 25% dan 35%.

Selain itu, pada 1 Januari 2012 penjawat awam menikmati kenaikan gaji antara 7% hingga 13% yang mana Kumpulan Pelaksana menikmati 13% kenaikan gaji.

Pada tahun 2013, sebanyak tiga (3) penambahbaikan gaji telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan menambah baik Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) serta disusuli dengan pemberian pemindahan gaji dengan amaun bersamaan 1 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT).

Pada 1 Januari 2015, Kerajaan telah bersetuju menambah baik kenaikan gaji bagi penjawat awam yang telah mencapai gaji maksimum dengan memperkenalkan KGT berdasarkan kadar tetap 3%. Selain itu, Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) bagi pegawai yang bersara wajib juga telah diawalkan bagi membolehkan pegawai menikmati pencen yang lebih tinggi apabila bersara.

Manakala penambahbaikan terkini yang dinikmati oleh penjawat awam termasuk Kumpulan Pelaksana adalah pada 1 Julai 2016, iaitu Kerajaan sekali lagi telah memberikan kenaikan gaji bersamaan amaun 1 KGT dan turut menambah baik gaji maksimum dalam JGMM. Kerajaan juga telah memperkenalkan Gaji Permulaan Terendah bagi Perkhidmatan Awam bermula pada RM1,200 yang memberi manfaat kepada Kumpulan Pelaksana.

Selain daripada pemberian kenaikan gaji bagi membantu penjawat awam terutamanya Kumpulan Pelaksana dalam menangani kos sara hidup, Kerajaan juga telah menaikkan kadar Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM50 bagi kawasan B dan kawasan lain pada tahun 2012. Selain itu, Kerajaan juga telah menaikkan kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi Kumpulan Pelaksana sebanyak RM120 iaitu daripada RM180 kepada RM300 sebulan.

Sesungguhnya Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji penambahbaikan gaji penjawat awam supaya ianya kompetitif dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.